

dalam dokumen-dokumen tender yang memudahkan penyelesaian akaun dengan Kontraktor.¹²

- (ii) Kerja yang siap dan/atau bahan dan barang yang dibekalkan tetapi tidak mematuhi Kontrak mesti dikenalpasti dan pengeluaran, pembaikan, pelaksanaan semula, atau penggantianannya dimasukkan ke dalam kontrak baru.¹³
- (iii) Satu peruntukan mesti dibuat bagi membenarkan kredit kepada Kerajaan untuk loji, perkakas, kelengkapan serta bahan-bahan dan barang-barang takpasang yang ditinggalkan di Tapak Bina untuk kegunaan atau untuk dimasukkan ke dalam kerja oleh kontraktor baru¹⁴. Inventori yang disediakan tidak akan dimasukkan didalam dokumen tender untuk tender semula. Kontraktor hendaklah menentukan sendiri kuantiti item tersebut.
- (iv) SubKontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan mungkin akan dilantik semula kepada kontraktor baru dengan syarat mereka bersetuju meneruskan kerja subkontrak atau membekal bahan-bahan atau barang-barang dengan jumlah harga subkontrak atau harga yang sama seolah-olah pengambilan kerja Kontraktor tidak ditamatkan. Jumlah harga subkontrak baru atau jumlah nilai baru 'artikel-artikel' hendaklah jumlah harga subkontrak asal atau jumlah nilai asal 'artikel' tolak amaun yang telah dibayar kepada Subkontraktor atau Pembekal Dinamakan. Sekiranya seseorang Subkontraktor Dinamakan atau Pembekal Dinamakan memohon kenaikan jumlah harga subkontrak atau harga-harga, tender baru bagi subkontrak atau pembekalan bahan-bahan atau barang-barang mesti dipelawa atau kelulusan dari Kementerian Kewangan diperolehi untuk menaikkan jumlah harga subkontrak atau harga membekal bahan-bahan atau barang-barang.
- (v) Sebaik sahaja Kontraktor baru dilantik, satu penilaian terhadap kos dan/atau kerugian atau kerosakan kepada Kerajaan mestilah dibuat dan satu tuntutan dibuat terhadap Kontraktor. Surat tuntutan tersebut hendaklah dihantar secara Akuan Terima Berdaftar ke alamat terkini Kontraktor, sebaik sahaja nilai ini diketahui tetapi hendaklah tidak lewat dari sembilan (9) bulan selepas

¹² Surat Arahan KPKR :(31)dIm.JKR.KPKR.020.050/03klt.8 bth. 7/11/08

¹³ Surat Arahan KPKR :(31)dIm.JKR.KPKR.020.050/03klt.8 bth. 7/11/08

¹⁴ Surat Arahan KPKR :(26)dIm.JKR.KPKR.020.050/03klt.7 bth. 4/10/06